

BAHASA MELAYU SEBAGAI LINGUA FRANCA DALAM KOMUNIKASI DAN PENULISAN BIDANG PENGAJIAN ISLAM PADA MASA KINI

Muhammad Fakhru Islam Bin Jeferydin
Fakulti Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Tel: +6017-9580211 Email: fakhrulmuhd32@gmail.com

Khairul Naim Bin Aminuddin
Fakulti Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Tel: +6013-2247273 E-mail: krolltzy@gmail.com

Muhammad Syafiq Bin Abd Halim
Fakulti Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Tel: +6011-21383200 E-mail: muhammad43785@gmail.com

Mohamad Hafizuddin Bin Mohamed Najid
Fakulti Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Universiti Sains Islam Malaysia
Tel: +60 13-634 9694 E-mail: hafizuddin.najid@usim.edu.my

ABSTRAK

Penggunaan bahasa Melayu sebagai lingua franca dalam komunikasi dan penulisan bidang pengajian Islam dilihat semakin meningkat pada peringkat global. Dalam konteks ini, terdapat keperluan untuk meneliti secara mendalam tentang penerimaan dan keberkesanan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantara dalam menyebarkan ilmu dan pemikiran Islam. Cabaran yang wujud bila mana untuk mempromosikan penggunaan bahasa Melayu sebagai lingua franca di kalangan komuniti akademik dan pelajar yang sering menggunakan bahasa sekunder dalam metode penyampaian mereka. Penyelidikan kuantitatif digunapakai dalam pemperolehan data sekunder dari sumber kajian akademik yang relevan. Dapatan kajian menunjukkan adanya kesedaran yang meningkat terhadap pentingnya penggunaan bahasa Melayu pada penulisan dan komunikasi dalam bidang pengajian Islam, namun masih terdapat keperluan untuk menggalakkan penggunaannya secara meluas. Keberadaan bahasa Melayu sebagai lingua franca memainkan peranan yang signifikan dalam mempromosikan pemahamandan pertukaran ilmu di kalangan komuniti akademik khususnya dalam bidang pengajian Islam seterusnya memperkukuhkan kedudukannya sebagai bahasa utama dalam penulisan dan komunikasi di bidang ini.

Kata Kunci: Bahasa Melayu, Lingua franca, Akademik, Penulisan, Komunikasi

1. Pengenalan

Bahasa merupakan alat yang digunakan dalam satu proses pertuturan atau perhubungan. Menurut Azhar M. Simin (1988), bahasa bermakna *language*, iaitu alat perhubungan dan bahasa juga membawa makna kesopanan. Bahasa digunakan oleh dua pihak, iaitu penutur dengan pendengar untuk melancarkan proses komunikasi. Bagi Arba'ie Sujud, Che Ibrahim Salleh dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2007), setiap individu yang hidup dalam masyarakat akan terlibat dengan komunikasi. Dalam hubungan ini, bahasa digunakan sebagai medium yang menjalin aturan dan ikatan pemikiran antara dua pihak. Seterusnya, bagi Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Zaharani Ahmad (2012), sesuatu bentuk komunikasi yang menggunakan bahasa lahir dalam sesuatu peristiwa bahasa tertentu. Peristiwa bahasa ini merujuk kepada kejadian komunikasi yang menggunakan bahasa lisan, seperti perbualan antara kawan, ahli kelompok tanpa mengira kumpulan majoriti mahupun minoriti. Berdasarkan kenyataan di atas kita dapati bahawa bahasa merupakan suatu alat komunikasi yang digunakan dan difahami oleh kedua-dua belah pihak sama ada penggunaan bahasa Melayu, bahasa Inggeris ataupun bahasa Arab.

Di Malaysia, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa komunikasi dan bahasa pengantaraan. Menurut Kamus Dewan dan Pustaka, secara umumnya perkataan Melayu ini ialah nama suatu bangsa dan bahasa terutama di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun terdapat juga bahasa lain yang dijadikan bahasa komunikasi di Malaysia, antaranya ialah bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa India, dan lain-lain lagi mengikut bangsa. Hal ini demikian kerana Malaysia mempunyai masyarakat yang majmuk yang majoritinya bangsa Melayu diikuti bangsa Cina dan bangsa India, terdapat juga bangsa Kadazan dan bangsa Iban yang tinggal di pedalaman Sabah dan Sarawak. Martabat menjadi bahasa rasmi negara, bahasa Melayu telah membuktikan kemampuannya sebagai bahasa antarabangsa kerana menjadi bahasa perantara pada suatu abad. Namun begitu, pedagang-pedagang asing telah datang ke tanah Melayu dengan membawa bahasa mereka dalam pertuturan. Oleh yang demikian, perbincangan ini mengkaji tentang bahasa Melayu sebagai lingua franca dalam komunikasi dan penulisan bidang pengajian Islam pada masa kini.

Menurut Akmajian, A. Demers, R. A. Farmer, A. K. dan Harnish, R. M. (1995), istilah lingua franca sebenarnya diambil daripada nama salah satu masyarakat Jerman Kuno. Masyarakat ini dikenal pasti tinggal di sekitar Sungai Rhine, terutama di sebelah Selatan Perancis. Bahasa ini dikatakan menjadi bahasa pertuturan di sebelah timur wilayah Mediterranean, terutama di pelabuhan pada Zaman Pertengahan dalam lingkungan tahun Masihi 1000 hinggalah abad ke-15. Bahasa ini juga digunakan oleh pedagang dan tentera perang Salib. Lingua franca merupakan istilah yang digunakan untuk melambangkan bahasa komunikasi atau pertuturan bagi dua pihak, yang berbeza bahasa ibunda mereka. Menurut Asmah Omar (2007), lingua franca membawa makna sebagai bahasa yang diketahui oleh kebanyakan penutur walaupun hanya pada peringkat yang asas. Bagi Mohammed Azlan Mis (2010) pula, situasi ini dapat dijelaskan melalui bahasa yang terdapat di wilayah Nusantara. Di wilayah ini wujudnya pelbagai bahasa, tetapi bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa lingua franca, iaitu bahasa perhubungan dan pertuturan dalam wilayah berkenaan.

Bidang Pengajian Islam ialah pengajian akademik Islam. Ia diajar berdasarkan daripada dua sudut pandangan iaitu pandangan duniawi dan tradisional Islam. Dari sudut pandang duniawi, pengajian Islam merujuk kepada pengajian Islam sebagai sebuah agama dan kebudayaan. Manakala dari sudut tradisional Islam pula, ia merujuk kepada istilah umum bagi ilmu-ilmu agama Islam yang dipelajari oleh ulama Islam. Antara bidang-bidang yang akan anda pelajari dengan mengambil pengajian Islam adalah sejarah pembangunan awal agama Islam dan pemerintah dan kekuasaan tamadun Islam. Ia juga berkait rapat dengan ilmu-ilmu sejarah, falsafah, hukum, sains, seni, sosiologi, ekonomi dan banyak lagi. Terdapat juga subjek-subjek yang berkaitan dengan sirah nabi, fiqh, tauhid, tasawuf dan lain-lain. Oleh itu, kajian ini berkait rapat dengan objektif yang dikaji oleh pengkaji. Terdapat tiga objektif yang dikeluarkan iaitu yang pertama ialah bahasa Melayu sebagai bahasa utama. Objektif yang kedua ialah keberkesanan komunikasi dan penulisan dalam bahasa Melayu dan yang terakhir ialah perkembangan bidang pengajian Islam pada masa kini.

2. Kajian Literatur

Kajian literature ini membincangkan berkenaan penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi dari segi penulisan untuk dakwah dan pendidikan Islam.

2.1 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu sama seperti bahasa-bahasa yang lain memainkan beberapa fungsi yang utama, iaitu selain daripada menjadi bahasa perbualan harian, bahasa Melayu turut menjadi bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan juga bahasa ilmu (Dr. Norliza, 2023). Dalam usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, perancangan bahasa perlu dilaksanakan. Perancangan bahasa ialah proses yang dilakukan oleh sesebuah negara untuk menentukan satu sistem bahasa yang mampu digunakan dalam semua bidang terutama dalam bidang pendidikan, pentadbiran dan ekonomi (Asmah Haji Omar, 1993).

Kajian yang dijalankan oleh Prof. Madya Dr. Norliza Jamaluddin (2023) adalah untuk menerangkan keupayaan bahasa Melayu sebagai sarana ilmu. Dalam kajian berkenaan, beliau menerangkan bahawasanya bahasa Melayu merupakan bahasa yang diguna pakai di rantau asia. Dapatan kajian mendapati bahawa bahasa Melayu banyak digunakan dalam pelbagai bidang antaranya bidang kesusasteraan, ilmu teologi, metafizik dan tasawuf dan falsafah. Menurut beliau, Rahman Talib menyuburkan perkembangan bahasa Melayu dengan menukarkan dari bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah dan peperiksaan umum. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perkembangan bahasa Melayu di Malaysia dengan memberikan tumpuan khusus bahasa Melayu sebagai bahasa pengungkap ilmu, serta usaha-usaha yang dilaksanakan antaranya dari sudut perundangan, pembentukan istilah, kepustakaan Melayu, dan bahasa Melayu sebagai pengungkap bahasa ilmu tinggi.

2.2 Komunikasi

Istilah komunikasi berasal daripada bahasa Latin *communicatus*, yang membawaerti suatu usaha atau percubaan yang bertujuan untuk mencari kesamaan makna. Oleh yang demikian, komunikasi merupakan proses penyampaian maklumat daripada satu pihak kepada pihak yang lain. Secara umumnya, komunikasi dilakukan secara verbal yang dapat ditafsirkan oleh penutur dan penerima mesej. Walau bagaimanapun, komunikasi tidak terhad pada komunikasi verbal. Terdapat komunikasi bukan verbal yang direalisasikan melalui gerak-geri badan seperti menggelengkan kepala, isyarat tangan dan sebagainya (Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat dan Normaliza Abd Rahim, 2015).

Kajian yang dijalankan oleh Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat dan Normaliza Abd Rahim (2015) adalah untuk mengetahui strategi komunikasi penulisan bahasa melayu dalam kalangan pelajar perancis. Sampel kajian terdiri daripada 10 orang pelajar Perancis yang mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu tahap lanjutan di 20 buah sekolah sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi komunikasi yang paling kerap digunakan ialah strategi penghampiran. Kajian ini memberikan implikasi kepada pelajaran pengajar bahasa Melayu untuk menangani strategi yang digunakan oleh pelajar bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa para pengajar harus menimbangakan pengajaran strategi komunikasi secara efektif untuk memaksimumkan keberkesanan pembelajaran bahasa Melayu.

2.3 Pendidikan Islam Dan Dakwah

Menurut Solichin model pendidikan islam merupakan suatu bentuk pola interaksi antara pendidik dengan peserta didik dalam memahami ilmu-ilmu pengetahuan baik mengenai bidang agama maupun umum (Solichin, 2017).

Menurut Muhamad Razak Idris (2008) dalam penulisannya yang bertajuk memperkasakan

dakwah menerusi bahasa Melayu. Beliau menerangkan bahawa bahasa Melayu amat penting sebagai pembangunan sosial, ekonomi dan agama. Beliau menekankan lagi bahawa bahasa Melayu perlu diterapkan dalam Pendidikan Islam supaya dakwah yang disampaikan dapat diterima oleh masyarakat sekitar di negara ini.

3. Metodologi


Pengkaji telah menggunakan beberapa reka bentuk kajian untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kerja khusus ini. Metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian (merumuskan apa yang dikaji). Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Tujuan penyediaan reka bentuk kajian adalah untuk menghubungkan kaitkan persoalan dan objektif kajian dengan hasil kajian. Reka bentuk kajian dalam penyelidikan ini adalah menggunakan kaedah soal selidik. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan kuantitatif iaitu kaedah soal selidik yang menyeluruh kepada 30 mahasiswa dan mahasiswi di beberapa universiti di Malaysia yang terdiri daripada USIM, UKM, UITM, UM. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti penyesuaian bahasa Melayu dalam pendidikan Islam pada masa kini di universiti. Kaedah ini menggunakan instrument borang soal selidik menggunakan google form yang mana ianya mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden.

Kaedah soal selidik ini sedikit sebanyak dapat membantu kami mengumpul maklumat tentang keperluan bahasa Melayu sebagai lingua franca dalam komunikasi dan penulisan bidang pengajian Islam pada masa kini. Soal selidik ini diwujudkan agar dapat mengukur penggunaan dan kefahaman pelajar dalam penggunaan bahasa Melayu di Universiti semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Soal selidik ini, kami menyediakan soalan-soalan yang berkaitan dengan tajuk kami sebanyak 15 soalan. Borang soal selidik yang diedarkan terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A yang meliputi data responden termasuk jantina, umur dan institut. Bahagian B pula terdiri daripada soalan yang berkaitan dengan tajuk. Bagi melengkapkan kajian ini, kami telah membuat rujukan dengan menggunakan pelbagai sumber seperti internet dan bahan ilmiah daripada perpustakaan serta tesis-tesis yang dilakukan oleh siswa dan siswi universiti tempatan juga dijadikan sebagai rujukan bagi melaksanakan kajian ini.

4. Dapatan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai peranan bahasa Melayu sebagai lingua franca dalam komunikasi dan penulisan bidang pengajian Islam pada masa kini. Sebanyak 30 responden telah dipilih, terdiri daripada pelajar dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaya (UM), dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Soal selidik yang dijalankan adalah melalui platform Google Form yang terdiri daripada 15 soalan yang berkait dengan objektif kajian. Soal selidik juga mengandungi dua bahagian yang terdiri daripada Bahagian A iaitu Faktor Demografi manakala Bahagian B pula berkaitan Peranan Bahasa Melayu dalam Komunikasi dan Penulisan Bidang Pengajian Islam.


BAHAGIAN A: FAKTOR DEMOGRAFI



Rajah 1: Umur Responden

Rajah 1 menunjukkan bahawa sebanyak 6.7% (2 orang) daripada responden berumur 19 tahun. Sebanyak 23.3% (7 orang) responden berumur 20 tahun, menunjukkan bahawa ramai pelajar berada pada tahap awal pengajian mereka di universiti. Sebanyak 16.7% (5 orang) responden berumur 21 tahun, mewakili pelajar di pertengahan pengajian mereka. Kumpulan terbesar adalah pelajar berumur 22 tahun, dengan 33.3% (10 orang) daripada responden. Sebanyak 20% (6 orang) responden berumur 23 tahun.


Analisis umur responden menunjukkan bahawa kumpulan terbesar adalah pelajar berumur 22 tahun (33.3%), diikuti oleh pelajar berumur 20 tahun (23.3%) dan 23 tahun (20%). Kehadiran responden dari pelbagai kumpulan umur mencerminkan kepelbagaian tahap pengajian dan pengalaman dalam penggunaan Bahasa Melayu sebagai lingua franca dalam komunikasi dan penulisan akademik pengajian Islam.



Rajah 2: Jantina Responden

Rajah 2 menunjukkan bahawa daripada 30 responden, majoriti adalah lelaki dengan jumlah 17 orang, yang merupakan 56.7% daripada keseluruhan responden. Sebaliknya, terdapat 13 orang responden perempuan, yang merangkumi 43.3% daripada jumlah keseluruhan responden.

Analisis jantina responden menunjukkan bahawa pelajar lelaki membentuk majoriti dengan 56.7%, manakala pelajar perempuan membentuk 43.3% daripada responden. Keterlibatan yang hampir seimbang ini mencerminkan bahawa pengajian Islam di institusi-institusi seperti USIM, UiTM, Universiti Malaya, dan Universiti Kebangsaan Malaysia diikuti secara aktif oleh kedua-dua jantina, memberikan pandangan yang komprehensif tentang penggunaan bahasa Melayu sebagai lingua franca dalam komunikasi dan penulisan akademik dalam bidang ini.




Rajah 3: Tahap Pendidikan Responden

Rajah 3 menunjukkan bahawa daripada 30 responden, majoriti besar, iaitu 29 orang (96.7%), berada dalam tahap pendidikan ijazah sarjana muda. Ini mencerminkan bahawa kebanyakan pelajar yang terlibat dalam kajian ini sedang berada dalam peringkat awal pengajian tinggi mereka dan mungkin sedang membina asas pengetahuan mereka dalam bidang pengajian Islam. Sebaliknya, hanya 1 orang responden (3.3%) berada dalam tahap pendidikan master.

Dominasi pelajar ijazah sarjana muda ini menunjukkan bahawa kebanyakan kajian dan penilaian mengenai penggunaan bahasa Melayu sebagai lingua franca dalam komunikasi dan penulisan akademik dalam bidang pengajian Islam dilakukan oleh pelajar yang berada di peringkat awal pengajian tinggi mereka. Sementara itu, keterlibatan pelajar master, walaupun kecil, menyediakan pandangan berharga dari segi pengalaman dan kemahiran yang lebih maju.

Rajah 4: Institusi Responden



Rajah 4 menunjukkan pecahan responden berdasarkan institusi pendidikan dalam kajian ini. Daripada 30 responden, pelajar dari USIM merupakan kumpulan terbesar dengan 13 orang (43.3%). Ini menunjukkan USIM memainkan peranan signifikan dalam kajian ini. Pelajar dari UiTM menyumbang 6 orang responden (20%), menjadikannya institusi kedua terbesar. Keterlibatan pelajar UiTM mencerminkan sumbangan yang kukuh dalam kajian ini. Pelajar dari UM juga memberikan sumbangan penting dengan 9 orang responden (30%). Meskipun tidak sebesar USIM atau UiTM, pandangan mereka tetap berharga dalam konteks penggunaan bahasa Melayu. Hanya 2 orang responden (6.7%) berasal dari UKM. Walaupun jumlahnya kecil, perspektif pelajar UKM tetap menambah kepelbagaian dalam kajian ini.


Kesimpulannya, pelajar dari USIM dan UiTM menunjukkan keterlibatan yang kukuh, manakala sumbangan pelajar dari UM dan UKM tetap memberikan pandangan yang berharga dan memperkaya kajian mengenai penggunaan bahasa Melayu dalam pengajian Islam.

BAHAGIAN B: PERANAN BAHASA MELAYU DALAM KOMUNIKASI DAN PENULISAN BIDANG PENGAJIAN ISLAM

Sejauh mana anda percaya bahawa bahasa Melayu mampu menyediakan platform yang efektif untuk berkomunikasi dalam bidang pengajian Islam?

1) Sejauh mana anda percaya bahawa Bahasa Melayu mampu menyediakan platform yang efektif untuk berkomunikasi dalam bidang pengajian Islam? [Copy](#)

30 responses




Rajah 5: Sejauh mana anda percaya bahawa bahasa Melayu mampu menyediakan platform yang efektif untuk berkomunikasi dalam bidang pengajian Islam?

Rajah 5 menunjukkan bahawa 21 responden (70%) menyatakan keyakinan bahawa bahasa Melayu menyediakan platform yang sangat baik untuk berkomunikasi dalam bidang pengajian Islam. Seramai 4 responden (13.3%) berpendapat bahawa bahasa Melayu adalah platform yang baik, manakala 5 responden (16.7%) memberi penilaian sederhana. Data ini mencerminkan keyakinan yang kuat terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi efektif dalam pengajian Islam, walaupun terdapat juga pandangan bahawa penambahbaikan atau penggunaan bersama dengan bahasa lain mungkin diperlukan untuk komunikasi yang lebih berkesan.

Adakah penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi dan penulisan bidang pengajian Islam memberi kesan positif terhadap kejelasan dan kefahaman konsep?

2) Adakah penggunaan Bahasa Melayu dalam komunikasi dan penulisan bidang pengajian Islam memberi kesan positif terhadap kejelasan dan kefahaman konsep? [Copy](#)

30 responses



Rajah 6 : Adakah penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi dan penulisan bidang pengajian Islam memberi kesan positif terhadap kejelasan dan kefahaman konsep?

Rajah 6 menunjukkan bahawa 22 responden (73.3%) menyatakan penggunaan bahasa Melayu


dalam komunikasi dan penulisan bidang pengajian Islam memberikan kesan yang sangat baik terhadap kejelasan dan kefahaman konsep. Sebanyak 4 responden (13.3%) menilai kesan tersebut sebagai baik, sementara 4 responden lagi (13.3%) memberikan penilaian sederhana. Data ini mencerminkan keyakinan yang tinggi terhadap kemampuan bahasa Melayu dalam menyampaikan konsep-konsep rumit dengan jelas, walaupun terdapat juga pandangan berbeza mengenai sejauh mana bahasa tersebut mempengaruhi kejelasan dan kefahaman konsep dalam pengajian Islam.

Sejauh manakah bahasa Melayu digunakan dalam penulisan akademik bidang pengajian Islam di universiti-universiti Malaysia?

3) Sejauh manakah Bahasa Melayu digunakan dalam penulisan akademik bidang pengajian Islam di universiti-universiti Malaysia?

 Copy

30 responses



Rajah 7: Sejauh manakah bahasa Melayu digunakan dalam penulisan akademik bidang pengajian Islam di universiti-universiti Malaysia?


Rajah 7 menunjukkan bahawa 16 orang responden (53.3%) percaya bahasa Melayu digunakan dengan sangat baik dalam penulisan akademik bidang pengajian Islam di universiti-universiti Malaysia. Selain itu, 7 orang responden (23.3%) memberikan penilaian baik dan 6 orang responden (20%) menilai penggunaan bahasa Melayu sebagai sederhana. Hanya seorang responden (3.3%) yang memberikan penilaian tidak baik. Ini menunjukkan penerimaan yang umum terhadap penggunaan Bahasa Melayu dalam konteks akademik ini, dengan sebahagian besar responden meyakini kesan positif penggunaannya dalam penulisan akademik bidang pengajian Islam.

Adakah penggunaan bahasa Melayu dalam pengajian Islam dapat meningkatkan penghargaan terhadap warisan dan tradisi Islam tempatan?

4) Adakah penggunaan Bahasa Melayu dalam pengajian Islam dapat meningkatkan penghargaan terhadap warisan dan tradisi Islam tempatan?

 Copy

30 responses



Rajah 8: Adakah penggunaan bahasa Melayu dalam pengajian Islam dapat meningkatkan penghargaan terhadap warisan dan tradisi Islam tempatan?

Rajah 8 menunjukkan bahawa analisis data yang signifikan dalam kalangan responden mengenai peranan penting bahasa Melayu dalam memupuk penghargaan terhadap warisan dan tradisi Islam tempatan. Majoriti responden (60%) menyatakan bahasa Melayu dapat meningkatkan penghargaan tersebut dengan sangat baik, sementara sebahagian besar yang lain (26.7%) memberikan penilaian baik. Terdapat juga segelintir responden (13.3%) yang menilai penggunaan bahasa Melayu sebagai sederhana dalam konteks ini, menunjukkan keperluan untuk peningkatan atau penyesuaian dalam cara bahasa Melayu digunakan untuk tujuan tersebut.

Adakah penguasaan bahasa Melayu boleh meningkatkan pemahaman terhadap teks-teks Islam klasik?

5) Adakah penguasaan Bahasa Melayu boleh meningkatkan pemahaman terhadap teks-teks Islam klasik? Copy
30 responses




Rajah 9 : Adakah penguasaan bahasa Melayu boleh meningkatkan pemahaman terhadap teks-teks Islam klasik?

Rajah 9 menunjukkan bahawa analisis data yang signifikan dalam kalangan responden mengenai kemampuan bahasa Melayu untuk meningkatkan pemahaman terhadap teks-teks Islam klasik. Sebahagian besar responden percaya bahasa Melayu berperanan sangat baik (46.7%) atau baik (46.7%) dalam konteks ini, sementara minoriti kecil menilai penguasaan bahasa Melayu sebagai sederhana (6.7%). Keseluruhan data menunjukkan keyakinan yang kuat dalam peranan bahasa Melayu dalam memahami teks-teks Islam klasik, walaupun terdapat sedikit peratusan yang merasakan ada ruang untuk penambahbaikan.

Adakah penggunaan bahasa Melayu dalam pengajian Islam menggalakkan perpaduan dalam kalangan pelajar dan masyarakat?

6) Adakah penggunaan Bahasa Melayu dalam pengajian Islam menggalakkan perpaduan dalam kalangan pelajar dan masyarakat? Copy
30 responses



Rajah 10 : Adakah penggunaan bahasa Melayu dalam pengajian Islam menggalakkan perpaduan dalam kalangan pelajar dan masyarakat?


Rajah 10 menunjukkan bahawa 21 responden (70%) menyatakan bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam pengajian Islam sangat baik untuk menggalakkan perpaduan dalam kalangan

pelajar dan masyarakat, menunjukkan keyakinan tinggi dalam peranan bahasa ini. Sebanyak 8 responden (26.7%) menilai ia baik, menandakan sokongan yang kuat terhadap bahasa Melayu sebagai medium perpaduan. Hanya seorang responden (3.3%) memberi penilaian sederhana, mencerminkan minoriti yang melihat kesan sederhana dalam menggalakkan perpaduan.

Adakah penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu dapat mempengaruhi penyelidikan dalam pengajian Islam?

7) Adakah penulisan ilmiah dalam Bahasa Melayu dapat mempengaruhi penyelidikan dalam pengajian Islam?

30 responses




Rajah 11: Adakah penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu dapat mempengaruhi penyelidikan dalam pengajian Islam?

Rajah 11 menunjukkan bahawa 17 orang responden (56.7%) memilih sangat baik, menunjukkan keyakinan tinggi bahawa penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu dapat sangat baik mempengaruhi penyelidikan dalam pengajian Islam. Sebanyak 9 responden (30%) memilih baik, menunjukkan sokongan kuat terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam penulisan ilmiah dalam bidang ini. Sebanyak 3 responden (10%) memilih sederhana, mencerminkan pandangan yang lebih sederhana, dan seorang responden (3.3%) memilih tidak baik, menunjukkan ada minoriti yang merasa penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu mungkin tidak memberikan pengaruh positif. Secara keseluruhan, majoriti responden menyokong penggunaan bahasa Melayu dalam penulisan ilmiah dalam pengajian Islam.

Bagaimana anda menilai kualiti rujukan akademik dalam bahasa Melayu yang digunakan dalam penulisan pengajian Islam?

8) Bagaimana anda menilai kualiti rujukan akademik dalam Bahasa Melayu yang digunakan dalam penulisan pengajian Islam?

30 responses



Rajah 12: Bagaimana anda menilai kualiti rujukan akademik dalam bahasa Melayu yang digunakan dalam penulisan pengajian Islam?

Rajah 12 menunjukkan bahawa 13 orang responden (43.3%) memilih sangat baik, menunjukkan keyakinan yang tinggi terhadap kualiti rujukan akademik dalam bahasa Melayu untuk penulisan pengajian Islam. Sejumlah 15 responden (50%) memilih baik, menunjukkan sokongan kuat


terhadap kualiti rujukan ini. Hanya 2 responden (6.7%) memilih sederhana, mencerminkan pandangan yang lebih sederhana terhadap kualiti rujukan akademik dalam bahasa Melayu. Secara keseluruhan, majoriti responden menyokong kualiti rujukan akademik dalam bahasa Melayu yang digunakan dalam penulisan pengajian Islam, dengan keyakinan yang tinggi terhadap kebolehpercayaan dan keberkesanannya dalam menyokong penulisan akademik dalam bidang ini.

Adakah institusi pengajian tinggi boleh mempromosikan penggunaan bahasa Melayu dalam pengajian Islam?

9) Adakah institusi pengajian tinggi boleh mempromosikan penggunaan Bahasa Melayu dalam pengajian Islam?

Copy

30 responses



Rajah 13: Adakah institusi pengajian tinggi boleh mempromosikan penggunaan bahasa Melayu dalam pengajian Islam?


Rajah 13 menunjukkan bahawa 18 orang responden (60%) memilih sangat baik, menunjukkan keyakinan tinggi terhadap kemampuan institusi pengajian tinggi untuk mempromosikan penggunaan bahasa Melayu dalam pengajian Islam. Sejumlah 9 responden (30%) memilih baik, menunjukkan sokongan kuat terhadap peranan institusi pengajian tinggi dalam mempromosikan bahasa Melayu. Hanya 3 responden (10%) memilih sederhana, mencerminkan pandangan lebih sederhana terhadap kemampuan institusi dalam mempromosikan bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden menyokong peranan institusi pengajian tinggi dalam mempromosikan penggunaan bahasa Melayu dalam pengajian Islam, dengan keyakinan tinggi terhadap keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh institusi tersebut.

Adakah pengajaran pengajian Islam dalam bahasa Melayu lebih efektif berbanding bahasa lain di Malaysia?

10) Adakah pengajaran pengajian Islam dalam Bahasa Melayu lebih efektif berbanding bahasa lain di Malaysia?

Copy

30 responses




Rajah 14: Adakah pengajaran pengajian Islam dalam bahasa Melayu lebih efektif berbanding bahasa lain di Malaysia?

Rajah 14 menunjukkan bahawa majoriti responden menyokong keberkesanan pengajaran pengajian Islam dalam bahasa Melayu, dengan 20 orang responden (66.7%) memilih sangat baik. Ini menunjukkan keyakinan yang tinggi terhadap kesesuaian dan efektiviti bahasa

Melayu dalam konteks ini. Sokongan positif juga diberikan oleh 5 orang responden (16.7%) yang memilih baik, sementara 4 orang (13.3%) memilih sederhana, dan hanya 1 orang (3.3%) memilih tidak baik. Hal ini mencerminkan perasaan yang beragam di kalangan responden, namun secara keseluruhan, terdapat sokongan yang signifikan terhadap pengajaran pengajian Islam dalam bahasa Melayu.

Adakah media digital dalam bahasa Melayu menyokong pendidikan pengajian Islam?



Rajah 15: Adakah media digital dalam bahasa Melayu menyokong pendidikan pengajian Islam?

Rajah 15 menunjukkan bahawa majoriti responden menyokong penggunaan media digital dalam bahasa Melayu untuk pendidikan pengajian Islam, dengan 15 orang (50%) memilih sangat baik. Ini menandakan keyakinan yang tinggi terhadap keberkesanan media digital bahasa Melayu dalam menyokong proses pembelajaran dalam bidang ini. Selain itu, sokongan positif juga diberikan oleh 9 orang responden (30%) yang memilih baik, sementara 4 orang (13.3%) memilih sederhana, dan hanya 2 orang (6.7%) memilih tidak baik. Hal ini menunjukkan ada keragaman pendapat di kalangan responden, namun secara keseluruhan, terdapat sokongan yang signifikan terhadap penggunaan media digital bahasa Melayu untuk pendidikan pengajian Islam. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden menyokong sokongan media digital dalam bahasa Melayu terhadap pendidikan pengajian Islam, dengan keyakinan yang tinggi terhadap kesesuaian dan keberkesanan media digital dalam bahasa Melayu dalam menyokong pembelajaran dalam bidang ini.

Apakah tahap kepuasan anda terhadap kualiti penerbitan buku pengajian Islam dalam bahasa Melayu dari segi bahasa, isi kandungan, dan penyampaian?



Rajah 16: Apakah tahap kepuasan anda terhadap kualiti penerbitan buku pengajian Islam dalam bahasa Melayu dari segi bahasa, isi kandungan, dan penyampaian?

Rajah 16 menunjukkan bahawa majoriti responden merasa puas dengan kualiti buku pengajian Islam dalam bahasa Melayu, dengan 17 orang (56.7%) memilih sangat baik. Ini menandakan kepuasan yang tinggi terhadap bahasa, isi kandungan, dan penyampaian buku-buku tersebut. Sokongan positif juga diberikan oleh 9 orang (30%) yang memilih baik. Walaupun demikian, terdapat juga beberapa responden (13.3%) yang memilih sederhana, mungkin disebabkan oleh kekurangan yang dikenal pasti dalam buku-buku tersebut. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden merasa puas dengan kualiti penerbitan buku pengajian Islam dalam bahasa Melayu, walaupun terdapat beberapa responden yang merasa ada ruang untuk peningkatan.

Adakah bahasa Melayu sebagai lingua franca mempengaruhi hubungan antara pelajar pengajian Islam dari negara-negara ASEAN?



Rajah 17: Adakah bahasa Melayu sebagai lingua franca mempengaruhi hubungan antara pelajar pengajian Islam dari negara-negara ASEAN?

Rajah 17 menunjukkan majoriti responden menyokong penggunaan bahasa Melayu sebagai lingua franca dalam hubungan antara pelajar pengajian Islam ASEAN, dengan 14 orang (46.7%) memilih sangat baik. Ini menandakan keyakinan yang tinggi terhadap kemampuan bahasa Melayu untuk memudahkan komunikasi dan meningkatkan kefahaman di kalangan pelajar dari latar belakang budaya yang berbeza. Sokongan positif juga diberikan oleh 7 orang (23.3%) yang memilih baik. Walaupun begitu, terdapat juga responden (23.3%) yang memilih sederhana, mungkin disebabkan oleh keraguan mengenai kesan sebenar bahasa Melayu sebagai lingua franca dalam konteks ini. Hanya 2 orang responden (6.7%) memilih tidak baik, menunjukkan pandangan yang negatif yang dipegang oleh minoriti terhadap peranan bahasa Melayu dalam hubungan antara pelajar pengajian Islam ASEAN.

Adakah bahan rujukan pengajian Islam dalam bahasa Melayu mudah diakses?



Rajah 18: Adakah bahan rujukan pengajian Islam dalam bahasa Melayu mudah diakses?

Rajah 18 menunjukkan majoriti responden merasakan bahan rujukan dalam bahasa Melayu mudah diakses, dengan 15 orang (50%) memilih sangat baik. Sokongan positif juga diberikan oleh 8 orang (26.7%) yang memilih baik. Walaupun begitu, terdapat beberapa responden (20%) yang memilih sederhana, menunjukkan pandangan yang lebih bersifat sederhana tentang aksesibiliti bahan rujukan dalam bahasa Melayu. Minoriti yang sangat kecil, hanya seorang responden (3.3%), memilih sangat tidak baik, menunjukkan pandangan yang sangat negatif tentang aksesibiliti bahan rujukan dalam bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa walaupun majoriti masih berpuas hati, terdapat variasi dalam pandangan responden mengenai aksesibiliti bahan rujukan dalam bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden masih berpuas hati dengan aksesibiliti bahan rujukan dalam bahasa Melayu, walaupun terdapat beberapa responden yang mempunyai pandangan yang lebih sederhana atau negatif.

Adakah kerajaan berperanan dalam mempromosikan bahasa Melayu dalam pengajian Islam?

15) Adakah kerajaan berperanan dalam mempromosikan Bahasa Melayu dalam pengajian Islam?

Copy

30 responses



Rajah 19: Adakah kerajaan berperanan dalam mempromosikan bahasa Melayu dalam pengajian Islam?

Rajah 19 menunjukkan majoriti responden yakin bahawa kerajaan memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan bahasa Melayu dalam pengajian Islam, dengan 18 orang (60%) memilih sangat baik. Sokongan positif juga diberikan oleh 10 orang (33.3%) yang memilih baik. Walaupun begitu, terdapat 2 orang responden (6.7%) yang memilih sederhana, menunjukkan pandangan yang lebih bersifat sederhana terhadap peranan kerajaan dalam mempromosikan bahasa Melayu dalam pengajian Islam. Ini menunjukkan bahawa walaupun majoriti yakin, terdapat variasi pandangan di kalangan responden mengenai keberkesanan langkah-langkah kerajaan dalam mempromosikan bahasa Melayu dalam konteks pengajian Islam. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden percaya bahawa kerajaan memainkan peranan yang penting dan efektif dalam mempromosikan bahasa Melayu dalam pengajian Islam, walaupun ada beberapa responden yang mempunyai pandangan yang lebih sederhana.

Bahasa Melayu memainkan peranan penting sebagai lingua franca dalam komunikasi dan penulisan bidang pengajian Islam pada masa kini, seperti yang ditunjukkan dalam beberapa aspek berdasarkan data yang diperolehi. Dalam hubungan antarabangsa pelajar ASEAN, sebanyak 46.7% responden memilih sangat baik, menunjukkan keyakinan terhadap bahasa Melayu dalam memudahkan komunikasi dan kerjasama di kalangan pelajar dari latar belakang budaya yang berbeza. Kerajaan juga memainkan peranan penting dalam mempromosikan bahasa Melayu, dengan 60% responden memilih sangat baik, menunjukkan sokongan terhadap usaha kerajaan dalam mengukuhkan penggunaan bahasa Melayu dalam pengajian Islam. Kualiti penerbitan buku pengajian Islam dalam bahasa Melayu dinilai tinggi oleh 56.7% responden, menunjukkan kepuasan terhadap bahan rujukan yang berkualiti. Keberkesanan pengajaran

pengajian Islam dalam bahasa Melayu juga diakui, dengan 66.7% responden memilih sangat baik, menunjukkan pengajaran yang lebih berkesan dan mudah difahami oleh pelajar. Sokongan media digital dalam bahasa Melayu terhadap pendidikan pengajian Islam turut mendapat penilaian positif, dengan 50% responden memilih sangat baik. Penggunaan bahasa Melayu dalam penulisan akademik dilihat penting oleh 53.3% responden yang memilih sangat baik, memastikan penyebaran ilmu yang lebih luas. Penggunaan bahasa Melayu juga meningkatkan kefahaman konsep dalam pengajian Islam, dengan 73.3% responden memilih sangat baik, menunjukkan kepentingan bahasa tersebut dalam memastikan kejelasan konsep-konsep Islam. Bahasa Melayu juga membantu meningkatkan penghargaan terhadap warisan dan tradisi Islam tempatan, dengan 60% responden memilih sangat baik. Pemahaman terhadap teks-teks Islam klasik juga dipermudahkan dengan penguasaan bahasa Melayu, diakui oleh 46.7% responden yang memilih sangat baik. Perpaduan pelajar dan masyarakat melalui pengajian Islam dalam bahasa Melayu mendapat sokongan tinggi, dengan 70% responden memilih sangat baik, menunjukkan peranan bahasa tersebut dalam menggalakkan perpaduan. Penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu juga disokong oleh 56.7% responden yang memilih sangat baik, membantu dalam penyelidikan dan penyebaran ilmu. Kualiti rujukan akademik dalam bahasa Melayu adalah penting, dengan 43.3% responden memilih sangat baik, memastikan bahan akademik yang berkualiti.

Kesimpulan secara keseluruhan, bahasa Melayu memainkan peranan yang sangat penting dan berkesan sebagai lingua franca dalam komunikasi dan penulisan dalam bidang pengajian Islam. Ia memudahkan komunikasi, menyokong perpaduan, meningkatkan kefahaman konsep-konsep Islam, dan memastikan kualiti pendidikan serta bahan akademik yang tinggi. Dukungan daripada kerajaan dan penggunaan media digital turut memperkukuh peranan bahasa Melayu dalam bidang ini, menjadikannya alat yang berharga dalam pendidikan dan penyelidikan Islam di Malaysia dan rantau ASEAN. Majoriti responden menunjukkan kepuasan yang tinggi terhadap peranan dan keberkesanan bahasa Melayu dalam pengajian Islam, menjadikannya elemen yang penting dalam perkembangan dan penyebaran ilmu Islam di rantau ini.

5. Kesimpulan

Bahasa Melayu berperanan penting sebagai lingua franca dalam komunikasi dan penulisan dalam bidang pengajian Islam pada masa kini. Penggunaan bahasa Melayu semakin meningkat di peringkat global, menunjukkan kesedaran yang tinggi terhadap kepentingannya dalam menyebarkan ilmu dan pemikiran Islam. Kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat cabaran dalam mempromosikan penggunaannya di kalangan komuniti akademik yang cenderung menggunakan bahasa sekunder. Selain itu, terdapat usaha-usaha yang giat dijalankan untuk memperkukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam penulisan dan komunikasi dalam bidang ini. Penggunaan bahasa Melayu dalam pengajian Islam bukan sahaja mempermudah pertukaran ilmu di kalangan pelajar dan akademik, tetapi juga memperkukuhkan identiti bahasa ini sebagai bahasa ilmu yang penting.

Usaha-usaha termasuk perundangan, pembentukan istilah, dan peningkatan kepustakaan Melayu telah membantu dalam memperkasakan bahasa ini. Kajian juga menunjukkan bahawa pengajaran strategi komunikasi dalam bahasa Melayu perlu diterapkan secara efektif untuk memaksimumkan keberkesanan pembelajaran, khususnya bagi pelajar asing. Secara keseluruhan, bahasa Melayu mempunyai potensi besar untuk terus berkembang dan memainkan peranan signifikan sebagai lingua franca dalam bidang pengajian Islam, menghubungkan pelbagai komuniti akademik dan mempromosikan pemahaman yang lebih pada masa akan datang.

6. Rujukan

- Arba'ie Sujud, Che Ibrahim Salleh dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2007). Bahasa Verbal dan Non-verbal Sebagai Cerminan Masyarakat dalam Novel-novel Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 18:1-24.
- Azhar M. Simin, (1988). *Discourse-syntax of "Yang" in Malay (Bahasa Malaysia)*. Diterjemahkan oleh Azhar M. Simin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harishon Radzi, Fazal Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Zaharani Ahmad. (2012). Analisis Bahasa Komunikasi Bangsa Minoriti Negrito Menerusi Pengimbuhandan Peminjaman Kata. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Jilid 3(12):885- 901.
- Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat, Normaliza Abd Rahim. (2015). Strategi komunikasi penulisan bahasa melayu dalam kalangan pelajar perancis. *Jurnal bahasa* jilid 15 bil. 1
- Muhamad Razak Idris. (2008). *Memperkasakan dakwah menerusi bahasa melayu*.
- Prof. Madya Dr. Norliza Jamaluddin. (2023). *Upaya bahasa melayu sebagai sarana ilmu*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
- Rosnijah Arolah, A'dawiyah Ismail. (2019). Peranan Guru Pendidikan Islam Membentuk Akhlak Pelajar Di sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kunak Sabah. *Al-Hikmah* 11(1).